

“PELAJAR DAN RISALAHNYA”

A. Harun Zamri penulis rencana ini ialah seorang pelajar Melayu keluaran “al-Ma‘had al-‘Alamī al-Sa‘ūdī” yang sedang menawan di Mekah- P.Q.

(Oleh: Harun Ramzi)

Kalau sesuatu bangsa dan negara yang dahulunya nyenyak tidur, sekarang sudah mulai bangun kerana gong keinsafan telah dipalu, trompet pembangunan telah ditiup, sehingga berdengung-dengung melaung di angkasa raya.

Oleh dorongan keinsafan dan kesedaran, oleh tekanan suasana dan keadaan di masyarakat tanah air yang sedang tenggelam di dalam gelombang kebaratan yang durjana, yang menyebabkan sebahagian besar daripada pemuda pemudinya telah terpesong dari *role* yang betul, telah sesat dari jalan yang sebenar, tertipu dengan ajaran-ajaran barat yang dimasuki di dalamnya berbagai-bagai racun yang merosak akhlak perangai, yang meruntuh maruah kesopanan, yang menghilangkan budi pekerti dan adab santun kerana mengejar kemajuan kononnya.

Islam di tanah air kita telah dicampur aduk dan ditambah tokok dengan perkara-perkara bidaah, khurafat dan karut marut Islam hanya difahamkan sebagai agama yang tak lebih daripada ibadat, yang benar tujuan akhirat semata-mata . . . tidak kena mengena dengan urusan masyarakat dan negara, tidak bersangkut paut dengan keadaan yang disekelilingnya.

Dengan sebab yang tersebut itu, lahirlah dikalangan pelajar-pelajar agama di tanah air, satu golongan yang mulai sedar dan bangun berdiri, menuju perbaiki dan perubahan, sanggup berdagang di perantauan, sanggup bercerai dan berpisah dengan keluarganya dan sanak

saudara, sanggup menerima segala ujian pahit perpisahan dengan melalui lautan dan ombak gelombangnya, daratan dan gunung ganang, semuanya itu menjadi mudah dan senang di sisinya kerana menyahut seruan suci : “Tuntutlah ilmu pengetahuan walaupun di negeri China”.

Setelah selesai tamatnya peperangan dunia yang kedua, berduyun-duyunlah golongan yang mempunyai semangat keinsafan, yang mempunyai roh kesedaran. Mengunjungi kota suci, pusat wahyu, pusat terpancarnya Islam, kerana bersedia untuk membawa risalah pergerakan dan aliran baharu, di dalam kalangan pelajar-pelajar agama di tanah air, membulatkan usaha dan tenaga, menuju gerbang pergerakan, membela nasib pelajar-pelajar Islam dan menyesuaikan diri mereka dengan pelajar-pelajar yang lain pada masa yang akan datang.

Roh dan semangat keinsafan telah meresap dan menjalar dengan sehebat-kuatnya di seluruh badan pelajar-pelajar yang sedang bernaung di bawah lindungan Kaabah, lalu mengibarkan panji-panji persaudaraan tanda bersatu, bersatu hati, bersatu tujuan, kemudian terus menggariskan satu cita-cita; cita-cita perbaikan untuk menentukan nasibnya di dalam perjuangan di masyarakat Islam di tanah air nanti.

Mereka dengan giat mahu membuka tirai zaman yang gelap, gelap dengan kejahilan dalam memahami ajaran Islam, gelap dilindungi oleh awan moden barat yang palsu itu.

Kalangan dan golongan yang baharu lahir dan muncul dengan meninggalkan fahaman lama, yang menyekatkan kemajuan dan perbaikan. Segala ajaran yang disadurkan oleh kemaslahatan dan faedah diri, segala ajaran yang berdasarkan akhirat semata-mata – kerana dunia ini hanya bangkai katanya – segala ajaran mengganggu perputaran perjalanan masa dan masyarakat, semuanya ini telah lenyap dan tenggelam di lautan yang luas dari sanubari dan kalbu golongan baharu itu. Golongan ini telah dan sedang berusaha untuk memasukkan perasaan kenal mengenal, perasaan kasih sayang, dan cinta mencintai antara satu saudara dengan saudaranya, saudara setanah air, saudara senasib, dan saudara seagama, kerana ingin mencipta masyarakat suci dan jujur, masyarakat yang berkasih sayang, dan berlemah lembut di antara mereka, sehingga menjadikan mereka badan yang satu, yang bila menderita satu-satu anggota dengan kesakitan, maka menderita seluruh badan dengan kepanasan

demam dan tak lelap tidur.

Saudara seperjuangan, tanamkanlah di kalbu kita, tujuan kita yang bermula. Iaitu menjadi rombongan angkatan baharu yang ikhlas dan jujur di dalam melaksanakan cita-cita untuk seruan Islam yang murni dan menjadi sebenar-benar umat Islam yang sanggup berkorban dengan apa yang ada. Apa yang terdaya, bagi meneruskan pegangan iktikad kita, tujuan kita dan pendirian kita

Janganlah kita berajakan kebendaan, kerana timbulnya kerosakan budi pekerti, dan mundurnya sesuatu bangsa ialah apakala tenggelamnya bangsa itu di dalam lautan nafsu syahwat, hingga buta mata hati mereka dari kebenaran, dan terburu-buru mereka kepada perkara-perkara yang haram dan maksiat, yang melanggar batas kesopanan. Kenanglah firman Tuhan, maksudnya:

“Kamulah sebaik-baik umat yang telah dizahirkan dalam masyarakat manusia, kerana kamu menyuruh berbuat baik, dan melarang dari berbuat jahat, serta beriman kepada Allah”.

TELEPHONE 161 ١٦١

Pelajaran Arab
Pelajaran Agama
Pelajaran Inggeris

Belajarliah dengan Pos

pelajaran agama	sebulan	\$3.00
pelajaran Arab	sebulan	\$3.00
pelajaran Inggeris	sebulan	\$3.00

pelajaran dengan pos tiap-tiap minggu
penuntut-penuntut baharu diterima
kirim wang terus kepada:-

tak payah kalau pergi sekolah
tuan boleh belajar di rumah sahaja

**YAHYA ARIFF 37 JALAN KANGSAR
KUALA KANGSAR**